

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sekolah daif yang sudah diperbaiki pada tahun 2020 dan 2021, nyatakan jumlah kos yang terlibat mengikut sekolah dan berapa sekolah daif lagi yang belum diperbaiki dan jumlah kos yang diperlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik untuk semua sekolah di seluruh negara. Ini adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam keadaan selamat serta selesa di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 *Rolling Plan 4* (RP4) tahun 2020, KPM telah diluluskan sebanyak 134 projek menaik taraf dan membangun semula bangunan daif di sekolah di seluruh negara dengan kos berjumlah RM994.272 juta. Manakala, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan 1* (RP1) tahun 2021, KPM telah diluluskan sebanyak 104 projek menaik taraf dan membangun semula

bangunan daif di sekolah di seluruh negara dengan kos RM1.004 bilion. Perincian status semasa projek tersebut adalah seperti berikut:

Status Projek Bagi Tahun 2020 dan 2021 Berserta Kos Projek

Tahun	Siap	Pembinaan	Pra-bina	Jumlah	Kos Projek (RM juta)
2020	5	64	65	134	994.27
2021	-	-	104	104	1,004.00
Jumlah	5	64	169	238	1,998.27

Berdasarkan rekod KPM, masih terdapat 1,311 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 73 buah sekolah mempunyai bangunan daif pada skala 7, iaitu disahkan tidak selamat digunakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Manakala 1,238 buah sekolah lagi mempunyai bangunan daif pada skala 6, iaitu disahkan tidak selamat oleh pihak teknikal Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri. Anggaran kos yang dijangka terlibat untuk menaik taraf dan membangun semula bangunan daif di 1,311 buah sekolah adalah berjumlah RM15.077 bilion. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.